

## Ini cerita lama lah..



FOTO tular memaparkan seekor babi tergantung di hadapan premis perniagaan di Taman Mount Austin Johor Bahru. FOTO IHSAN PEMBACA

**Nurul Amanina Suhaini**  
*am@hmetro.com.my*

KEMENTERIAN Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengesahkan kepingan gambar sebuah premis menggantung babi di pintu utama seperti ditularkan di sosial media adalah perkara lama.

Ketua Pegawai Penguat kuasa KPDNHEP Johor, Zubir Hamsa berkata, hasil pemeriksaan Bahagian Penguat kuasa KPDNHEP Johor Bahru dijalankan jam 10 pagi tadi mendapati papan tanda perniagaan sudah ditanggalkan selain premis itu kini dikendalikan pihak lain.

Katanya, premis lama sudah ditutup sejak 2015 dan ia sekarang adalah restoran Cina tidak halal yang beroperasi di lokasi berkenaan.

"Ketika viral (tular), ada pihak yang respond (memberi maklum balas) yang itu adalah berita recycle (kitar semula), tambahan pula kilang itu sendiri (kilang tepung) sudah memberi pengesahan dan kenyataan berhubung insiden itu.

"Sehubungan itu, orang awam dinasihatkan menyalurkan maklumat tepat. Mengikut kes ini, maklumat yang ada ini tidak betul sehingga menimbulkan keresahan," katanya ketika dihubungi, hari ini.

Terdahulu, tular satu keping gambar memaparkan seekor babi tergantung pada pintu masuk sebuah premis perniagaan di Jalan Mount Austin, Johor Bahru.

Foto tular itu turut disertakan kenyataan iaitu meminta tolong sesiapa yang boleh 'viralkan' gambar supaya jabatan agama boleh membuat pemantauan terhadap kilang dipercayai kilang tepung.

Bagaimanapun, usaha Harian Metro menghubungi pihak kilang tidak berjaya, selain tiada maklum balas daripada pihak berkenaan.

Namun, berdasarkan kenyataan dikeluarkan pihak kilang, premis berkenaan sudah berpindah ke Taman Desa Cemerlang sejak Julai 2015.

Kenyataan itu turut berkata, pihak kilang turut menegaskan semua produk dijamin halal dan sumber bekalan bahan mentah juga mempunyai sijil halal diiktiraf Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM).

**Artikel ini disiarkan pada : Selasa, 2 Julai 2019 @ 5:05 PM**

